## MAKLUMAT AM

**i Luka pada tangan anda.**
Balut luka pada tangan anda dengan pembalut kalis yang kalis air seperti elastoplast dan lain-lain sebelum anda mula bekerja. Jika anda terluka semasa bekerja, biarkan darah mengalir di bawah air paip dan balut luka tangan dengan pembalut kalis air setelah pendarahan berhenti.

Jika kulit pelanggan anda terluka, kesat darah dengan kain gaza yang bersih dan buang ke dalam tong sampah. Elakkan diri anda dari tersentuh dengan darah atau kain gaza yang dikesat darah tadi.

Pastikan peralatan yang tercemar oleh darah anda/ pelanggan anda dicuci hama terlebih dahulu sebelum digunakan semula.



**ii Kulit berpenyakit (berkudis)**
Jangan mengkhatan pelanggan anda sekiranya kulit tersebut nyata berpenyakit/ berkudis kerana ianya mudah berdarah dan mudah juga dijangkiti kuman serta bernanah.

**iii Pembuangan alat-alat tajam.**
Alat-alat yang tajam seperti pisau hendaklah diletakkan atau dibuang pada tempat yang selamat supaya tidak mencederakan pelanggan anda.

**iv Amalan-amalan yang berfaedah**
Anda hendaklah sentiasa membasuh tangan anda dengan air dan sabun sebelum dan sesudah selesai menjalankan khatan.

## MAKLUMAT LANJUT

Jika anda perlukan nasihat seterusnya, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Pusat-pusat Kesihatan yang berhampiran dengan tempat anda.

**UNIT PELAJARAN KESIHATAN**
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

# AIDS



GARIS PANDUAN UNTUK

## TUKANG KHATAN (MUDIM)

KEJAHILAN PUNCA MAUT

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
"Kami mementingkan Kesihatan"

# AIDS BAGAIMANA IA BERJANGKIT

Aids adalah penyakit yang disebabkan oleh virus HIV di mana ia memusnahkan daya ketahanan badan seseorang untuk melawan jangkitan penyakit lain.

AIDS boleh berjangkit melalui tiga cara sahaja:–

i) melakukan perhubungan seks dengan orang yang telah dijangkiti virus HIV.

ii) pemindahan darah yang mengandungi virus HIV daripada pesakit atau pembawa AIDS kepada seseorang yang lain.

iii) daripada ibu yang telah dijangkiti virus HIV kepada anak yang di dalam kandungannya/ ketika lahir.



# RISIKO AIDS DAN KAITANNYA DENGAN PEKERJAAN ANDA

Risiko jangkitan AIDS di dalam pekerjaan anda memang ada. Ini adalah disebabkan pekerjaan anda mungkin melibatkan pemindahan darah daripada seseorang kepada seorang yang lain dengan cara yang tidak disengajakan.

Walau bagaimanapun tiada seorangpun pernah diketahui mendapat jangkitan virus HIV daripada berkhatan.

Oleh itu, untuk kepentingan anda dan pelanggan anda peraturan yang selamat perlulah diikuti untuk memastikan supaya jangkitan penyakit-penyakit termasuk AIDS tidak berlaku di dalam pekerjaan anda.

# PERATURAN-PERATURAN YANG PERLU DIIKUTI

i) Peralatan Pakai-Buang
Jika boleh, utamakan penggunaan pisau yang dipakai sekali sahaja bagi setiap pelanggan.

Jika menggunakan pisau berulangkali, ia mestilah dibersihkan daripada kuman sebelum digunakan kepada setiap pelanggan.

ii) Pembersihan Kuman

Alat-alat yang digunakan untuk tujuan berkhatan seperti pisau dan penyepit hendaklah dibersihkan dari kekotoran dan disucihama.

Alat-alat yang digunakan semasa berkhatan dan juga alat-alat lain yang tercemar oleh darah pelanggan hendaklah disucihama setiap kali sebelum digunakan kepada pelanggan yang berikutnya.

Basuh dan bersihkan terlebih dahulu pisau dan alat-alat yang terkena darah supaya kesan darahnya hilang.

Cara menyucihama adalah seperti berikut:–

a) Autoklaf
Ini adalah cara yang paling baik kerana ianya amat berkesan membunuh semua jenis kuman serta mudah dan selamat digunakan.

b) Cara lain
Jika anda tidak dapat memiliki autoklaf seperti yang dicadangkan, maka salah satu cara berikut bolehlah diikuti.

Rebus atau wapkan alat-alat tersebut di dalam air yang mendidih selama 10 – 20 minit sebelum digunakan semula. Sterilizer yang menggunakan air mendidih didapati di pasaran.

atau

Rendam alat-alat berkenaan di dalam cecair pembunuh kuman seperti chlorhexidine dan lain-lain mengikut peraturan-peraturan bagi setiap jenama cecair pembunuh kuman tersebut. Selepas itu, alat-alat tersebut dapat digunakan semula.

iii) Sentiasa amalkan kebersihan di dalam pekerjaan anda.

a) Gunakan kain pembalut luka yang telah disucihama bagi membalut luka selepas berkhatan.

b) Gunakan ubat-ubat yang telah disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi luka di tempat yang dikhatan.

c) Gunakan cecair pembunuh kuman semasa mencuci luka tempat yang dikhatan.

iv) Anda hendaklah menasihatkan pelanggan anda berjumpa doktor sekiranya darah tidak berhenti dalam jangkamasa beberapa jam selepas berkhatan atau tempat luka menjadi bernanah semasa dicuci.

v) Sekiranya anda menggunakan jarum dan alat suntikan lain, utamakan jenis pakai-buang (sekali pakai sahaja). Jika digunakan jenis yang berulangkali, ia hendaklah disucihama seperti cara di atas.